

SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2021

GARIS PANDUAN PEMETAAN MTLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG) DAN PENGGUNAAN LOGO DAN IKON SDG BAGI AKTIVITI YANG DIANJURKAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

[Kelulusan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-195 Bil. 19/2021 pada 22 September 2021]

1.0 TUJUAN

- 1.1** Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkaitan Garis Panduan Pemetaan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Penggunaan Logo dan Ikon SDG Bagi Aktiviti Yang Dianjurkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1** Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-195 Bil.19/ 2021 bertarikh 22 September 2021 telah bersetuju memperaku dan meluluskan cadangan pemetaan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG) dan penggunaan logo dan ikon berkenaan bagi aktiviti yang dilaksanakan oleh UniMAP.
- 2.2** Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) merujuk kepada 17 matlamat utama dalam *The 2030 Agenda for Sustainable Development* di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (UNESCO). Kesemua matlamat tersebut mengandungi 169 indikator yang perlu dicapai oleh negara di seluruh dunia dalam usaha membasmi kemiskinan, memelihara bumi, dan memastikan dunia mencapai keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran menjelang tahun 2030. SDG memberi penekanan terhadap keperluan mengimbangi antara kelestarian sosial, ekonomi dan persekitaran.

- 2.3** Sebagai sebuah negara dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia memantau prestasi negara berkaitan SDG melalui Majlis SDG Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan diurus setiakan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Pelaporan prestasi SDG kepada UNESCO dibuat secara sukarela semenjak tahun 2017 (Voluntary National Review 2017), sekali gus menggambarkan komitmen Malaysia terhadap kejayaan SDG.
- 2.4** *The Sustainable Development Solutions Network (SDSN)* (di bawah PBB) telah mengeluarkan garis panduan untuk universiti, institusi pengajian tinggi dan sektor akademik bertajuk *Getting started with the SDGs in universities* (2017), bertujuan membantu universiti untuk memainkan peranan sebagai penyumbang utama kepada kejayaan SDGs. SDSN menggariskan empat fokus iaitu Pembelajaran dan Pengajaran (Learning and Teaching), Penyelidikan (Research), Governans, budaya dan operasi organisasi (Organisational governance, culture and operations) dan Kepimpinan luaran (External leadership).
- 2.5** Garis panduan tersebut menyarankan universiti untuk memulakan usaha berkaitan SDG secara berperingkat dan progresif iaitu:
- i. Membuat pemetaan SDG dengan perkara yang telah/sedang dilaksanakan di universiti;

- ii. Membangunkan kapasiti dalaman dan komitmen tehadap SDG;
- iii. Mengenal pasti keutamaan, peluang dan jurang;
- iv. Mengintegrasikan dan melaksanakan SDG melalui strategi, polisi dan perancangan universiti; dan
- v. Memantau dan menilai prestasi SDG serta meuar-uarkan tindakan yang dilaksanakan berkaitan pencapaian SDG kepada warga universiti dan pihak luar.

2.6 Dalam usaha berkaitan perkara 2.4 yang dinyatakan, UniMAP telah mengambil bahagian dalam *Times Higher Education (THE) Impact Rankings (IR)*, yang menggunakan sebahagian daripada indikator SDG, semenjak tahun 2019. Bagi usaha khusus berkaitan pembelajaran dan pengajaran, tenaga pengajar telah diminta untuk mengenal pasti elemen SDG dan memberi penekanan kepada hal tersebut dalam kelas masing-masing, dengan tujuan meningkatkan kesedaran para pelajar tentang SDG. Bagi penyelidikan pula, para penyelidik perlu mengenal pasti SDG yang berkaitan dalam kertas cadangan penyelidikan masing-masing, dan telah dibekalkan dengan dokumen kata kunci SDG yang boleh digunakan dalam penulisan kajian untuk meningkatkan keterlihatan sumbangan penyelidik UniMAP terhadap kejayaan SDG.

3.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk:

3.1 Menjelaskan mengenai prosedur dan tatacara

- i) pemetaan SDG dengan aktiviti yang dianjurkan oleh UniMAP, sama ada pada peringkat universiti atau pun pusat tanggungjawab (PTj); dan

- ii) penggunaan logo dan ikon SDG bagi aktiviti yang dianjurkan oleh UniMAP, sama ada pada peringkat universiti atau pun pusat tanggungjawab (PTj).
- 3.2** Memastikan penggunaan logo dan ikon SDG adalah berdasarkan kepada garis panduan penggunaan logo dan ikon SDG seperti yang dikeluarkan oleh *United Nations Department of Global Communications (UNDGC)* (Mac 2020);
- 3.3** Memastikan pelaksanaan pemetaan yang sistematik dan penggunaan logo dan ikon SDG berdasarkan sumber rujukan yang sahih sahaja.

4.0 OBJEKTIF

- 4.1** Meningkatkan kesedaran warga UniMAP dan komuniti tentang SDG;
- 4.2** Meningkatkan keterlihatan aktiviti UniMAP yang berkaitan dengan SDG, sekaligus mencerminkan komitmen UniMAP terhadap Agenda 2030 UNESCO dan kelestarian amnya;
- 4.3** Menyumbang kepada usaha pembudayaan ke arah kelestarian sosial, ekonomi dan persekitaran;
- 4.4** Membantu dalam usaha pengumpulan data dan maklumat untuk tujuan penyertaan UniMAP dalam THE Impact Rankings khususnya, dan untuk keperluan sebarang agensi, umumnya.
- 4.5** Mewujudkan kawalan dalaman terhadap penggunaan logo dan ikon SDG.

5.0 PEMETAAN SDG DENGAN AKTIVITI YANG DIANJURKAN

- 5.1** Sebarang kertas kerja yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk kelulusan aktiviti yang melibatkan peruntukan kewangan perlu menyatakan SDG yang berkaitan (berdasarkan pemetaan yang dibuat) serta justifikasi ringkas. Pernyataan hubung kait dan justifikasi tersebut perlu dinyatakan di bahagian Justifikasi kertas kerja.
- 5.2** Sebarang kertas kerja yang dikemukakan kepada Pengurusan Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk kelulusan aktiviti yang melibatkan peruntukan kewangan perlu menyatakan SDG yang berkaitan (berdasarkan pemetaan yang dibuat) serta justifikasi ringkas. Pernyataan hubung kait dan justifikasi tersebut perlu dinyatakan di bahagian Justifikasi kertas kerja.
- 5.3** Justifikasi ringkas yang dinyatakan di perkara (5.1) dan (5.2) perlu mengandungi keterangan tentang bagaimana aktiviti yang dicadangkan bersesuaian dengan matlamat SDG yang berkaitan (sama ada matlamat umum dan/atau khusus). Untuk tujuan tersebut, rujukan perlu dibuat kepada perincian bagi setiap SDG melalui pautan <https://sdgs.un.org/goals>.

6.0 PENGGUNAAN LOGO DAN IKON SDG DALAM POSTER AKTIVITI ANJURAN UniMAP

- 6.1** Penggunaan logo dan ikon perlu bersandarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh UNDGC melalui pautan https://www.un.org/sustainabledevelopment/wp-content/uploads/2019/01/SDG_Guidelines_AUG_2019_Final.pdf.
- 6.1.1 Logo/ ikon SDG dan logo rasmi UniMAP perlu diletakkan di bahagian atas pada sudut kanan poster.**

Sementara itu, hashtag/tanda pagar SDG berkaitan diletakkan di bahagian bawah pada sudut kanan poster.

- 6.2 Sebarang poster yang dikeluarkan oleh PTj UniMAP untuk hebahan aktiviti pada peringkat PTj dan peringkat universiti perlu mengandungi logo, ikon dan hashtag/tanda pagar SDG yang berkaitan.
- 6.3 Sebarang penggunaan logo dan ikon SDG dalam poster rasmi aktiviti mesti dipasangkan dengan logo rasmi UniMAP dan disertakan dengan teks yang berkaitan (rujuk contoh di ms17 dan 18 di pautan seperti di (6.1)).
- 6.4 Perhatian khusus perlu diberi kepada bahagian yang bertajuk: "II. USE OF THE SDG LOGO: VERSION 2, THE SDG COLOUR WHEEL, AND THE 17 SDG ICONS BY ENTITIES OUTSIDE OF THE UN SYSTEM" dalam dokumen yang dirujuk di (6.1) (ms 3-4; 6-21).
- 6.5 Logo SDG yang digunakan mestilah **SDG Logo: Version 2**, yang hanya mempamerkan logo SDG tanpa lambang United Nations.
- 6.6 Logo dan ikon SDG pada poster UniMAP mestilah menggunakan Bahasa Inggeris sahaja, iaitu salah satu daripada enam bahasa rasmi yang dibenarkan.
- 6.7 Larangan berkenaan penggunaan logo perlu dirujuk kepada contoh di ms19-21 di pautan seperti di (6.1).
- 6.8 Tipografi yang dibenarkan ialah Roboto (Black/Bold) untuk logo SDG, manakala untuk ikon SDG ialah Oswald (Medium/Semibold) (rujuk contoh di ms 37 dan 38 di pautan seperti di (6.1)).
- 6.9 Garis panduan ikon SDG dan warna yang mesti digunakan ialah seperti di ms 40 – 68 di pautan seperti di (6.1).

7. TANGGUNGJAWAB KETUA PTj TERHADAP PEMETAAN AKTIVITI DAN PENGGUNAAN LOGO DAN IKON SDG

- 7.1 Ketua PTj perlu memastikan pemetaan aktiviti dengan SDG berkaitan adalah bersesuaian untuk tujuan perkara 5.1 dan 5.2 di atas.
- 7.2 PTj perlu menyimpan rekod aktiviti yang dipetakan kepada SDG, untuk tujuan pelaporan kepada Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM), Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari (COSCEM) atau mana-mana PTj atau agensi yang memerlukan maklumat tersebut.
- 7.3 PTj disarankan untuk memasukkan laporan aktiviti yang dipetakan kepada SDG dalam Laporan Tahunan PTj, sebagai rekod dan untuk memudahkan pencarian maklumat apabila diperlukan.
- 7.4 Untuk tujuan keterlihatan komitmen UniMAP terhadap agenda SDG, PTj perlu memastikan aktiviti dan poster yang mempunyai logo/ikon SDG dimuat naik dalam media sosial rasmi PTj dan/atau UniMAP.

8.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Disember 2021**.


Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan'

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHD SAAD BIN DIN)

Pendaftar

22 November 2021